

# BAB 6

## 6.1 Cabaran Masa Hadapan

Perkembangan dalam teknologi komunikasi memerlukan perlubaran yang amat tinggi kerana ia melibatkan kos yang sangat tinggi dan risiko yang terlalu besar. Oleh itu, pengendali yang berpengaruh dan kaya sahaja yang akan berpeluang memiliki teknologi sebegini. Dengan itu, hanya sekumpulan firma yang terhad sahaja yang mampu bersaing dalam pasaran. Hal ini akan meningkatkan dan menghalalkan kuasa yang terdapat pada pihak pemilik teknologi komunikasi dan biasanya pemilik-pemilik tersebut akan menggunakan teknologi yang dimiliki untuk kebaikan sendiri.

Kenyataan bahawa ‘ICT tidak berpihak’ adalah satu kenyataan yang tidak benar dari segi politik kerana tanpa motif-motif politik, teknologi komunikasi mungkin tidak begitu berleluasa kini. Lebih-lebih lagi apabila pemilikan dan kawalan teknologi komunikasi kini adalah di bawah autoriti sesuatu negara atau pemerintah. Ini termasuklah keadaan IT Singapura yang dikawal ketat oleh kerajaan melalui pemilikan politikal ISP dan yarikat media tempatan yang telahpun diterangkan dalam bab 2. Contoh yang paling ketara adalah pemilikan Singapore ONE oleh Media Corp Singapura, suatu organisasi media terbear di Singapura.

Penguasaan IT yang canggih dapat mengekalkan hegemoni pemerintah. Ini seterusnya menyebabkan maklumat yang berbentuk propaganda dapat disebarluaskan kepada rakyat dengan lebih berkesan.

Negara-negara membangun terus membeli IT dan teknologi komunikasi kerana mereka tidak mempunyai peruntukan kewangan dan kepakaran yang mencukupi untuk penyelidikan dan pembangunan dalam bidang ini. Maka negara maju seperti Singapura yang telah mencapai penggunaan IT yang menyeluruh terus memperkembangkan bidang R&D dengan pendapatan yang diperolehi daripada penjualan maklumat dan IT.

Konglomerat gergasi dan syarikat besar seperti Singtel, SCV dan SingNet, yang memiliki modal yang besar serta teknologi komunikasi yang canggih seterusnya cuba memperluaskan pasarannya di lebih banyak tempat. Status kewangan dan teknologi yang tinggi seolah-olah memberi kelebihan kepada konglomerat ini kerana undang-undang dan polisi komunikasi dalam negara yang sedang membangun dan negara kecil seperti Singapura kian dilonggarkan bagi menarik pelabur asing.

Persekitaran begini yang juga dikenali sebagai *deregulation* adalah tindakan yang dilakukan oleh pembuat dasar negara untuk menjualkan pemilikan perkhidmatan telekomunikasi dan maklumat kerajaan kepada pemilik swasta. Ia akan memudahkan kemasukan lebih banyak peralatan komunikasi dan produk media yang dihasilkan oleh konglomerat antarabangsa dan syarikat besar tempatan.

Singapore ONE tidak harus dilihat sebagai satu ciptaan tunggal yang mampu mewujudkan satu keadaan masyarakat baru yang menjaga kepentingan semua pihak. IT dan soal imperialisme budaya harus dilihat

dalam konteks realistik yang mengambil kira hubungan kuasa sosial dan kepentingan ekonomi politik dalam masyarakat antarabangsa.

Menerusi teknologi seperti Singapore ONE dalam ekonomi dunia hari ini, imperialisme budaya semakin menyebarluaskan ideologi yang selari dengan pengembangan sistem kapitalis dan memberi kesan yang mendalam terhadap negara sedang membangun. Dua ciri penting kini ialah konsumerisme dan pengkomersilan. Semakin banyak produk IT dihasilkan setiap hari dan dipromosi melalui teknologi komunikasi moden.

Perkembangan pesat IT sebenarnya telah mengakibatkan dunia yang tidak seimbang dan bukannya dunia yang global. Sosio budaya negara dunia Ketiga digugat dengan syarikat MNC yang mendominasi hampir 90 peratus daripada pemindahan teknologi. Tambahan lagi, kebanyakan negara ini bergantung kepada MNC untuk kapasiti pembangunan teknikalnya.

Oleh itu, seharusnya Singapura sebagai ahli Asia melihat perspektif ini secara kritis. Sesungguhnya potensi Singapore ONE amat besar dan jika bijak digabungkan dengan projek seumpamanya di Asia seperti MSC di Malaysia dan Cyberport di Hong Kong, sudah pastinya ia akan membawa lebih banyak manfaat kepada negara Asia dan berupaya menstabilkan pengaliran maklumat yang lebih baik dan seimbang.

## 6.2 Cadangan masa hadapan untuk Singapore ONE

Seperti yang telah dibincangkan bab demi bab, jaringan Singapore ONE kelihatan seperti sangat sempurna dan tiada cacat celanya. Kerajaan telah menjadi penyokong dan penyebar ICT yang sangat aktif dan usaha ini telah terbukti mendapat sokongan dan sambutan ramai. Oleh sebab itu, pengkaji ingin mencadangkan bahawa kerajaan mengurangkan tumpuan terhadap usaha bertubi-tubi, sebaliknya cuba memfokus kepada impak dan perkembangan rakyat.

Sememangnya kemajuan IT berjalan dengan pantas dan Singapura menghadapi tekanan untuk terus bersaing mendapatkan teknologi terkini. Namun begitu, kebijakan dan sosiologi perkembangan rakyat juga sama pentingnya. Ini dapat dilakukan menerusi beberapa peringkat dan sektor. Antaranya adalah:

### 6.2.1 Taraf kesihatan

Walaupun dilengkapi dengan jaringan Singapore ONE, hanya 15 peratus daripada doktor dan pelatih hospital dan klinik di Singapura mempunyai komputer. Adaptasi mereka terhadap akses Internet terutamanya untuk bidang perubatan amat kurang. Terdapat sebuah portal kesihatan Singapura yang menawarkan perisian pengurusan klinik dan pesanan ubatan, namun begitu ia tidak dieksloitasi sebaiknya oleh doktor. Ini menandakan masih ramai ahli perubatan yang tidak IT *savvy* dan perlunya hal ini diberi lebih perhatian.

Kementerian Kesihatan ada menyuarakan usaha mereka untuk menjaga isu *privacy* dan pembelian ubatan melalui Internet. Isu-isu berkaitan Internet ini perlu diberi perhatian lebih bagi menerangkan dengan jelas mengenai polisi dan rangka kerja yang sah disisi undang-undang. Selain itu terdapat juga keimbangan tentang penggunaan ICT dalam persekitaran yang tegang, terutamanya oleh doktor-doktor akibat masa bekerja yang terlalu panjang. Oleh itu, perlunya kerajaan Singapura mengendalikan kajian terhadap ahli perubatan untuk melihat impak penggunaan ICT yang terlalu berat dapat mempengaruhi prestasi bekerja.

Salah satu fokus aplikasi kesihatan elektronik (*e health*) di Singapura adalah mencipta rekod perubatan berelektronik bagi memudahkan penghantaran maklumat yang konsisten kepada ahli perubatan. Usaha ini amat baik dan berpotensi besar, namun banyak aspek perlu diperbaiki sebelum ia dapat digunakan dengan efektif.

Antaranya adalah memperbaiki latihan kemasukan data dan memperkayakan pangkalan data di hospital dan klinik. Selain itu pangkalan data ini haruslah dihubungkan antara semua pusat kesihatan seluruh negara bagi membangunkan suatu sistem rekod perubatan yang terkini dan berintegrasi antara satu sama lain.

### 6.2.2 Pendidikan

Singapura telah menunjukkan suatu perkembangan yang membanggakan dalam penggunaan dan akses ICT di dunia pendidikan. Kanak-kanak sudah didedahkan dengan pengetahuan tentang teknologi dan Internet semenjak sekolah rendah dan ini merupakan perlaburan jangka masa panjang Singapura yang dikagumi.

Sebagai peneraju dunia dalam sektor pendidikan ini, adalah lebih berfaedah jika kerajaan Singapura mengadakan penyelidikan bagi melihat impak ICT dalam perkembangan kognitif sosial. Dengan dapatan kajian seperti ini dapat membantu Singapura untuk terus mengadakan latihan berterusan ICT kepada rakyatnya dengan lebih berkesan. Ini bagi merealisasikan konsep *information society* yang ingin dicapai.

Pendidikan mengenai ICT ini tidak terbatas kepada golongan muda sahaja malah bagi golongan dewasa dan tua. Ini bagi merapatkan lagi jurang digital dan maklumat yang sedia ada. Mengikut kajian, kadar taraf celik huruf dan kadar penggunaan Internet saling berkait rapat. Singapura hanya mencatatkan kadar celik huruf 93.5 peratus pada tahun 2001. Jika kadar celik huruf rakyat Singapura dapat naik kepada 100 peratus, ini akan membantu kenaikan kadar panggunaan Internet di kalangan rakyat.

### 6.2.3 *E-commerce*

Kerajaan Singapura telah banyak berusaha untuk mempromosi transaksi *e-commerce* di kalangan rakyatnya. Walau bagaimanapun, terdapat halangan terutamanya berkaitan dengan kurang kesedaran, kadar adaptasi SME yang rendah dan prosedur yang agak lama.

Antara yang boleh dilakukan untuk meningkatkan lagi penggunaan *e-commerce* terutamanya kepada peniaga adalah meningkatkan kesedaran mereka terhadap potensi dan kebaikannya. Ini dapat dilakukan menerusi sokongan kerajaan dengan mengurangkan cukai barang dan perkhidmatan bagi pembelian secara *online*.

Selain itu, kerajaan boleh berinisiatif mengadakan sistem penyerahan dokumen perniagaan dan pelbagai transaksi lain kepada kerajaan secara *online*, agar dapat menghalakan perniagaan mereka ke arah orientasi ICT.

Potensi *e-commerce* juga terbuka kepada orang ramai dan ini harus digalakkan oleh kerajaan bagi mewujudkan suatu komuniti yang melakukan pembelian secara tanpa tunai. Ini termasuklah *online shopping* yang pasti akan menjadi gaya hidup masyarakat negara maju di masa hadapan. Sebagai sebuah negara teknologi, Singapura harus peka dengan hal ini dan cuba mendapatkan penyertaan dari seluruh rakyatnya.

#### 6.2.4 Penyelidikan Pasaran

Terdapat banyak maklumat yang berfaedah dapat diakses tentang Singapura. Salah satu contoh akses maklumat dapat dibuat menerusi Jabatan Statistik Singapura yang membekalkan statistik utama negara secara percuma di laman web mereka. IDA juga menawarkan beberapa statistik penting mengenai telekomunikasi berdasarkan pelanggan, juga menerusi laman web mereka.

Selain itu, terdapat juga beberapa syarikat yang menjalankan penyelidikan pasaran di Singapura yang turut memaparkan statistik dan data mengenai pasaran Internet negara tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat banyak kekurangan kepada statistik dan data-data tersebut, terutamanya mengenai analisis pasaran, seterusnya mempengaruhi pembentukan generalisasi yang tidak tepat.

Contohnya, statistik memberi jumlah dan peratusan berdasarkan jumlah populasi rakyatnya dan mengabaikan jumlah mereka yang bukan warganegara Singapura. Ini memberi ralat besar kepada data dan statistik yang dibekalkan kerana pertumbuhan populasi penduduk bukan warganegara Singapura berjumlah hampir 20 peratus daripada jumlah populasi di Singapura. Oleh itu, penyelidikan pasaran yang ingin dijalankan haruslah dilakukan dengan lebih terperinci bagi membekalkan data yang lebih tepat.

### 6.2.5 Harga Akses Internet

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kadar harga akses Internet di Singapura adalah amat murah dan mempunyai tarif yang terendah berbanding negara lain. Walau bagaimanapun, tiada kadar tetap (*flat rate*) yang ditawarkan oleh mana-mana ISP bagi pelan akses Internet tanpa had dan caj penggunaan telefon dalam negara.

Akibatnya, ramai pengguna masih rasa takut dan risau dengan jangka masa yang dihabiskan di Internet. Ini kerana caj yang dikenakan adalah mengikut jumlah masa yang diguna. Hal ini mengurangkan inovasi dan wujud rasa serba salah kepada pengguna Internet.

Tambahan lagi, akses jaringan *broadband* Internet seperti modem berkabel yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat kabel TV di Singapura adalah tinggi. Pengguna kurang berminat untuk melanggan dengan perkhidmatan tersebut, walaupun pakej dua dalam satu ini sebenarnya menguntungkan.

### 6.3 Kesimpulan

Pemusatkan teknologi seperti perlaksanaan Singapore ONE di Singapura sebenarnya memberi manfaat kepada masyarakat di Singapura khasnya dan di Asia amnya. Perlaksanaannya memperlihatkan wujudnya beberapa undang-undang yang telah digubal bagi menyekat dan mengawal perlaksanaan dan penggunaannya. Walaupun Singapore ONE dilihat sedang pesat membangun, namun kemajuannya masih lagi terikat dengan dasar terbuka dan tertutup yang diamalkan di Singapura.

Dalam hal ini, interaktiviti antara pengguna dan jaringan Singapore ONE harus diberikan perhatian agar dapat mencari peluang membaiki sebarang kecacatan terhadap hubungan dua hala ini. Rata-rata pengguna berpuas hati dengan interktiviti dengan jaringan, yang mana dapat dibuktikan dengan bilangan pengguna jaringan yang bertambah setiap tahun. Dengan peningkatan yang sekata ini, suatu hari Singapura pasti akan menjadi negara yang pertama mempunyai rakyat yang sentiasa berhubungan dan menggunakan aplikasi IT secara 100 peratus dalam kehidupan seharian.

Secara keseluruhannya, kerajaan Singapura berjaya menjaga jalinan dengan rakyat dalam menggalakkan penggunaan IT yang menyeluruh di seluruh negara. Ini dilakukan dengan memberi perhatian kepada golongan muda di sekolah dan institusi pengajian tinggi serta golongan dewasa menerusi penggunaan Internet di tempat kerja. Kerajaan juga berjaya menarik penyertaan dan minat golongan tua untuk sama-sama

mempelajari penggunaan IT dan seterusnya dapat memanfaatkan jaringan Singapore ONE dalam kehidupan sehari-hari.

Banyak yang perlu dan boleh dipelajari oleh Malaysia dengan mengambil contoh usaha-usaha menyeluruh kerajaan Singapura seperti dengan penubuhan *e club* dan kiosk maklumat di seluruh negara bagi menjinak-jinakkan penggunaan IT di kalangan rakyat.

Inovasi pengetahuan IT yang diterapkan melalui jaringan Singapore ONE sememangnya dapat membentuk perkembangan dan sosialisasi generasi rakyat Singapura. Tahap penerimaan mereka terhadap IT amat tinggi dan berkosentrasi berbanding kebanyakan negara maju di dunia. Ini dimangkinkan dengan kedudukan negara yang strategik dan bilangan rakyat yang kecil, maka lebih mudah dikawal.

Namun apa yang pasti adalah setiap kemodenan yang dicipta bukan sahaja dapat membawa kesenangan, malah ada ketikanya membawa kesan negatif. Segala ini harus diambil kira dan diberi perhatian yang lebih dalam kita mengejar kemodenan teknologi baru. Nilai-nilai estetika dan moral masyarakat kita harus dikekalkan agar tidak terus hanyut dengan kemewahan dan nikmat dunia yang semakin mudah.